

21 NOV 1997

Ong-Khabar Angin

KDN AKAN BERTINDAK TERHADAP PENYEBAR KHABAR ANGIN

ALOR SETAR, 21 Nov (Bernama) -- Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap penyebar khabar angin yang didapati boleh menjejaskan keselamatan negara, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Ong Ka Ting, hari ini.

Beliau berkata undang-undang yang sedia ada memberi kuasa kepada kerajaan mengambil tindakan seperti itu kerana penyebar khabar angin adalah orang yang mempunyai niat jahat untuk mensabotaj negara.

Matlamat kerajaan adalah menyekat penyebar khabar angin itu daripada terus menyebarkan pembohongan mereka, katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan para usahawan masyarakat Cina di sini beliau berkata, tindakan hanya boleh diambil terhadap penyebar khabar angin yang berada dalam negara.

"Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan terhadap orang yang berada di luar negara walaupun mereka merupakan pencipta khabar angin itu. Kebiasaannya penyebar khabar angin dalam negara adalah orang yang terpengaruh dengan penyebar khabar angin di luar negara yang mempunyai pelbagai teori," katanya.

Sambil mengakui agak sukar untuk mengesan penyebar khabar angin itu Ong berkata bahawa kerajaan belum mengenal pasti kumpulan atau individu tertentu.

"Orang tempatan dan orang luar terlibat," katanya.

Memberi contoh mengenai penyebaran khabar angin kononnya ekonomi negara sudah runtuh, penutupan beberapa bank akibat krisis kewangan dan perletakan jawatan oleh Dr Mahathir Mohamad (Perdana Menteri) beliau berkata khabar-kahbar angin seperti itu boleh menimbulkan ketegangan dan huru-hara di negara.

Sehubungan itu beliau menasihatkan orang ramai supaya jangan terpengaruh dengan khabar angin itu. -- BERNAMA

MZM PR